

# Malaysia perlu 5,000 juruterapi 2015

» PUScOT  
tawar program  
pengajian ijazah

Terdapat permintaan terhadap juruterapi cara kerja terlatih di peringkat global, begitu juga di Malaysia. Malaysia pada masa ini mempunyai 1,200 juruterapi cara kerja berdaftar, namun hanya dua pertiga daripada mereka yang mempraktikkan bidang ini.

Ini bermakna, seorang juruterapi perlu memberi perkhidmatan kepada 25,000 individu yang memerlukan.

#### Penuhi keperluan penduduk

Dianggarkan pada 2015, Malaysia perlu mempunyai 5,000 juruterapi bagi memenuhi keperluan penduduk yang mencecah angka 30 juta. Jumlah ini menunjukkan kekurangan mendesak juruterapi cara kerja.

Berdasarkan statistik Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), 15 peratus penduduk dunia atau 700 juta orang hidup dalam ketidakpayaan.



Juruterapi boleh memilih bekerja di hospital, sekolah atau industri selepas tamat latihan.

Jabatan Perangkaan Malaysia pula menyatakan bahawa rakyat Malaysia berusia 65 tahun ke atas dijangka meningkat tiga kali ganda berbanding jumlah penduduk pada 2010.

Ini bermakna, kualiti penjaan untuk mereka yang kurang upaya dan golongan tua perlu ditingkatkan bagi kesejahteraan rakyat.

Presiden Persekutuan Juruterapi Cara Kerja Dunia (WFOT), Profesor E Sharon Brintnell, berkata keperluan untuk golongan kurang upaya semakin bertambah dan juru terapi diperlukan untuk membantu.

Berlaku juga peningkatan bagi perkhidmatan kesihatan mental dalam masyarakat untuk membantu masyarakat meneruskan

kelangsungan hidup dan mempunyai kesihatan yang baik.

Juruterapi cara kerja menyumbang kepada perubahan suasana persekitaran kepada mereka yang memerlukan untuk terus hidup secara berdikari.

Juruterapi cara kerja diperlukan dalam pelbagai konteks kesihatan. Mereka menawarkan penjagaan pemulihan di hospital dengan menawarkan khidmat kepada mangsa kemalangan serta kanak-kanak spastik dan bermasalah pembelajaran.

Juruterapi boleh memilih bekerja di hospital, pusat rehabilitasi, perkhidmatan jururawat di rumah, sekolah (pendidikan khas), industri dan organisasi perdagangan, institusi pendidikan dan pusat swasta.

Dengan jumlah warga tua yang semakin meningkat di Malaysia keperluannya sangat diperlukan.

Program Terapi Cara Kerja Universiti Perdana (PUScOT) menawarkan pengajian ijazah dalam bidang ini.

#### Pengambilan pertama

Pengambilan pertamanya adalah pada September 2014. Ia adalah pengajian empat tahun/lapan semester dengan 1,360 jam klinikal

yang memenuhi 1,000 jam klinikal ditetapkan WFOT.

Program ini menawarkan dua modul pengkhususan iaitu terapi cara kerja dalam seksualiti serta hilang upaya dan terapi cara kerja dalam penjagaan warga tua.

WFOT bertindak sebagai penasihat untuk kurikulum dan program ini dikukuhkan dengan ahli fakulti adjunct dari Australia, Amerika Syarikat, Filipina dan Singapura.

Dekan PUScOT adalah Profesor Nathan Vytialingam. Beliau juga adalah Presiden Asia Pacific Occupational Therapist Regional Group dan bekas Naib Presiden World Federation of Occupational Therapists.

Dengan 40 tahun pengalaman dalam bidang klinikal dan pendidikan, beliau berjaya mengumpulkan penasihat dan ahli fakulti antarabangsa untuk program ini bagi memastikan kualiti pendidikan diberikan pada standard tertinggi.

Fakulti ini memiliki ahli akademik dengan kemahiran berbeza seperti terapi tangan, mental, pemulihan pekerjaan dan pediatrik.

Untuk maklumat lanjut hubungi 603-89418646 atau [www.perdanauniversity.edu.my](http://www.perdanauniversity.edu.my).





**PERDANA UNIVERSITY**  
**BIASISWA\***  
untuk Program Perubatan  
Bertaraf Premium  
**SEPTEMBER 2014**

\* Separa Biasiswa, Tertakluk kepada Terma dan Syarat



#### PERDANA UNIVERSITY GRADUATE SCHOOL OF MEDICINE (PUGSOM)

Doctor of Medicine (4+0)  
in collaboration with Johns Hopkins  
University School of Medicine in Baltimore,  
Maryland, USA

- Kriteria Kemasukan:
- Ijazah di dalam bidang sains dengan CGPA 3.3 atau setara dengannya
  - MUET Band 4 / IELTS 6.5 / TOEFL 600



#### PERDANA UNIVERSITY ROYAL COLLEGE of SURGEONS in IRELAND (PU-RCSI)

Medical Degree Programme (5+0)  
in collaboration with the Royal College  
of Surgeons in Ireland

- Kriteria Kemasukan:
- STPM, IPU, Matriculation, UK A-Levels, UEC, IB, Asas di dalam bidang sains
  - MUET Band 4 / IELTS 6.5 / TOEFL 600

#### PERDANA UNIVERSITY SCHOOL OF OCCUPATIONAL THERAPY (PUScOT)

Bachelor of Science (Hons)  
in Occupational Therapy

- Kriteria Kemasukan:
- STPM, A-Levels, Matriculation, UEC, IB, Diploma di dalam terapi carakerja
  - IELTS 6.0 / TOEFL 550 (untuk pelajar antarabangsa sahaja)

#### PERDANA UNIVERSITY POSTGRADUATE DIPLOMA IN BIOINFORMATICS

First and only Postgraduate Diploma in  
Bioinformatics programme offered in Malaysia

- Kriteria Kemasukan:
- Ijazah Sarjana Muda Biologi, Sains Computer / IT atau ijazah yang berkaitan dengan CGPA 3.0 atau setara dengannya
  - IELTS 6.0 / TOEFL 600



Perdana University (PU) ditubuhkan pada Februari 2011 dan adalah projek di bawah Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS) di Jabatan Perdana Menteri. Penubuhannya adalah selaras dengan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Nasional untuk pembangunan modal insan kelas pertama di Malaysia.

*"Where the past and the future is present"*

**PERDANA UNIVERSITY**  
Block B and D1, MAEPS Building, MARDI Complex,  
Jalan MAEPS/Perdana, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

1 300 88 8078

Telefon: +603 8941 8646 Faks: +603 8941 7661  
Emel: [enquiry@perdanauniversity.edu.my](mailto:enquiry@perdanauniversity.edu.my)

<http://www.youtube.com/user/PERDANAUNIV>  
[www.perdanauniversity.edu.my](http://www.perdanauniversity.edu.my)